




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 25 OGOS 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 12 HINGGA 32)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
(BUKIT GANTANG)
TARIKH : 25.08.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM [BUKIT GANTANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf SJK(T) dan SJK (C) dalam bentuk penyediaan kemudahan pembelajaran dan peningkatan pencapaian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira aliran sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT). Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) sahaja, KPM telah memperuntukkan RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur sekolah seperti pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. KPM juga telah

memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta bagi Sekolah Bantuan Kerajaan. Pada tahun 2008, sebanyak RM7.75 juta telah diluluskan untuk 103 buah SJKC Bantuan Kerajaan, dan RM18.48 juta telah diluluskan untuk 60 buah SJKT Bantuan Kerajaan. Selain peruntukan dari KPM, sekolah bantuan kerajaan juga menerima peruntukan dari pelbagai sumber seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan khas pilihraya dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Bagi peruntukan belanja mengurus pula, pada tahun 2008 sahaja, kerajaan telah menyediakan perbelanjaan sebanyak RM1.4 bilion kepada SJKC dan RM552.9 juta kepada SJKT.

Di samping itu, KPM sedang menyediakan Pelan Tindakan Memantapkan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tujuan membangunkan sekolah bantuan kerajaan. Sebagai langkah permulaan, KPM telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan mengenai pelan tindakan yang telah dirancang untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk memastikan tanggapan sesetengah pihak yang menyatakan kerajaan meminggirkan SJKC dan SJKT adalah tidak benar.

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH : 25 OGOS 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tidak terdapat sebarang projek berskala mega di kawasan Negeri Sembilan Darul Khusus seperti mana yang Kerajaan laksanakan di Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Iskandar Malaysia dan juga Koridor Sarawak bagi meningkat taraf ekonomi penduduk setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), inisiatif koridor-koridor pertumbuhan telah ditubuhkan dengan tujuan utamanya bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini. Dalam kata lain, tujuan inisiatif koridor pertumbuhan ini adalah untuk membawa pembangunan yang lebih pesat khususnya ke kawasan dan negeri-negeri yang kurang membangun. Pelaksanaan pembangunan koridor pertumbuhan ini juga diharap akan mewujudkan

lebih banyak peluang pekerjaan dan memesatkan lagi pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan berkenaan. Tambahan pula, negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka juga telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan purata Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri kurang maju lain. Selain itu, negeri-negeri ini juga adalah lebih baik kedudukan sosioekonominya serta mempunyai jentera pengurusan, kedudukan infrastruktur dan kemudahan asas yang puratanya lebih baik berbanding dengan negeri-negeri kurang maju lain terutamanya dalam menarik pelaburan asing masuk membuat pelaburan. Selain itu, pelaburan pihak swasta juga telah sedia ada dan adalah lebih besar di negeri-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, walaupun terdapat kawasan atau negeri yang tidak termasuk dalam mana-mana koridor pembangunan seperti Negeri Sembilan, tetapi ianya tidaklah bermakna negeri tersebut tidak diberi perhatian oleh Kerajaan. Mana-mana kawasan atau negeri yang tidak termasuk dalam mana-mana koridor pembangunan, tetap mendapat peruntukan serta projek-projek sedia ada di bawah RMKe-9 dan juga dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9 baru-baru ini. Kerajaan tetap meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan pembangunan terutamanya infrastruktur dan kemudahan asas di negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, misalnya seperti projek menambahbaik dan menaik taraf jalan raya, bekalan air dan elektrik, pendidikan dan sebagainya. Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seremban, antara contoh projek utama yang dijalankan

di Negeri Sembilan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk adalah seperti projek landasan berkembar Gemas, projek skim bekalan air Seremban dan Port Dickson, projek-projek menaik taraf jalan raya, projek membina loji rawatan pemptungan Negeri Sembilan dan projek membina kampus tetap UiTM kampus Negeri Sembilan.

Selain itu, pembangunan di sesuatu negeri atau kawasan yang terletak di luar mana-mana koridor pembangunan juga adalah bergantung kepada perancangan yang telah ditetapkan oleh Pelan Induk pembangunan negeri masing-masing. Dalam hal ini, jika ada cadangan oleh mana-mana pihak ataupun Kerajaan Negeri sendiri untuk membangun dan memajukan sesuatu kawasan yang belum mencapai tahap kemajuan yang difikirkan sewajarnya maka cadangan ini akan dikaji dan jika bersesuaian, akan dipertimbangkan dalam penyediaan rancangan pembangunan negeri ataupun negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 1713
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)
TARIKH : 25.8.2008

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan pihak berkuasa agama negeri dalam menangani isu dan menghidupkan budaya Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

JAKIM sebagai Agensi Pusat di Peringkat Persekutuan bertanggungjawab untuk memastikan akidah, syariah dan akhlak umat Islam terpelihara. Sehubungan dengan itu, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri bertanggungjawab melaksanakan program-program dakwah seperti kursus, seminar, konvensyen, taklimat kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam menangani isu-isu semasa agama dan menghidupkan budaya Islam di Malaysia.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 25 OGOS 2008

SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar.] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang projek fasa dua projek tebatan banjir Sungai Junjung di Pulau Pinang yang menelan belanja RM 60 juta. Apakah sudah diluluskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DIPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah banjir di kawasan sekitar Sungai Junjung di Pulau Pinang, Kerajaan sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Junjung. Untuk Fasa I, kerja-kerja tebatan banjir sedang dalam peringkat akhir pelaksanaan dengan kos projek sebanyak RM 9.5 Juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang sedia ada hanya mencukupi untuk melaksanakan RTB Sg. Junjung Fasa I sahaja. Permohonan tambahan peruntukan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (KSP RMKe-9) untuk Fasa II tidak diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **25.08.2008**

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang terhutang oleh dan kepada Kerajaan serta siapakah pemiutang-pemiutang dan penghutang-penghutang utama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hutang dalam negeri dan hutang luar negeri. Sehingga 31 Disember 2007, jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM266.7 bilion yang terdiri daripada RM247.1 bilion (92.7%) hutang dalam negeri, manakala bakinya RM19.6 bilion (7.3%) merupakan hutang luar negeri. Hutang luar negeri adalah kecil selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri bagi mengurangkan risiko pertukaran mata wang asing dan mengutamakan pinjaman dari sumber domestik.

2. Mengenai pihak yang memberi pinjaman (pemiutang) kepada Kerajaan, bagi pinjaman projek, pemiutang adalah terdiri daripada institusi-institusi multilateral dan bilateral seperti Bank Pembangunan Islam (IDB), Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Dunia dan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC). Walau bagaimanapun, bagi pinjaman pasaran yang dibuat melalui terbitan bon, pemiutang sukar ditentukan kerana bon diurus niaga di pasaran setiap hari.

3. Kerajaan Persekutuan juga memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat Kerajaan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi serta Pelbagai Agensi. Sehingga 31 Disember 2007 jumlah hutang mereka dengan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM50.8 bilion.

SOALAN NO: 16

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 25.08.2008

SOALAN :DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

- a) Tujuan sebenar perusahaan penanaman kelapa sawit oleh FELDA di Sabah dan ;
- b) Berapa keluasan yang telah digunakan dan jumlah hasil pendapatan

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tujuan sebenar perusahaan sawit oleh FELDA di Sabah adalah untuk memenuhi dan menunaikan permintaan Kerajaan Negeri

membangunkan ekonomi kawasan pedalaman Negeri Sabah khususnya di Lahad Datu dan Tawau. Matlamat ini tercapai dan dapat dilihat menerusi kesan limpahan pembangunan yang telah dinikmati di sekitar kawasan FELDA. Keduanya, adalah untuk menempatkan peserta masuk ke tanah rancangan dan kefiganya adalah membantu mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri melalui penyediaan kemudahan asas seperti jalan, bekalan api, air, sekolah, prasarana dan lain-lain.

- b) Berikutan dengan persetujuan yang dicapai di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sabah bersetuju menawarkan kawasan seluas 209,393 hektar untuk dibangunkan oleh FELDA. Daripada keluasan ini, seluas 125,892 hektar telah dibangunkan, manakala 83,501 hektar tidak dibangunkan dan diambil balik oleh Kerajaan Negeri. Kawasan yang dibangunkan ini adalah terletak di Daerah Lahad Datu iaitu seluas 107,492 hektar, seluas 18,400 hektar terletak di daerah Tawau.


Pendapatan dan keuntungan ladang FELDA adalah bergantung kepada harga komoditi sawit. Pada tahun 2007 lalu, ladang FELDA di Negeri Sabah memperoleh pendapatan sebanyak

RM848 juta, manakala keuntungan yang diperoleh selepas cukai adalah RM295 juta.


Hasil keuntungan ladang FELDA di Sabah digunakan untuk membiayai kos pengurusan FELDA, Program Kemiskinan Rakyat Tempatan di Sabah, membiayai projek infrastruktur rancangan, menaik taraf projek bekalan air di Sahabat dan Kalabakan, membiayai urusan tanam semula peneroka, membayar insentif produktiviti, membiayai urusan kemasyarakatan dan aktiviti peneroka di tanah rancangan Negeri Sabah. Kerajaan Negeri juga memperoleh faedah tidak langsung melalui cukai jualan sawit yang dikenakan atas pengeluaran minyak sawit.

-----XXX-----

Disediakan oleh :


.....
(WAN ZALEHA WAN EMBONG)
Pegawai Perhubungan Awam
FELDA

Disahkan oleh:


.....
(SUHAIMI ZAINUDDIN)
Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan & Perancangan)
FELDA

SOALAN NO. 17

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: Lisan

DARIPADA : Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

TARIKH : 25 Ogos 2008

SOALAN : Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kejayaan rancangan pihak Kementerian untuk membangunkan sekurang-kurangnya 10,000 orang usahawan Industri Asas Tani di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan juga bagaimanakah sambutan para belia terhadap Skim Belia Tani terutamanya oleh golongan belia di kawasan luar bandar.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua

Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi membangunkan sekurang-kurangnya 10,000 orang usahawan industri asas tani yang terlibat di dalam aktiviti pemprosesan atau nilai tambah produk agro-makanan adalah sangat menggalakkan.

Sejak dilancarkan pada tahun 2006 sehingga Ogos 2008, sejumlah 8,254 usahawan telah berjaya dibangunkan yang melibatkan aktiviti pemprosesan bagi mengeluarkan produk-produk yang berasaskan tanaman, ternakan dan perikanan.

Kementerian ini tiada program yang khusus untuk golongan belia. Kesemua program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini sama ada melibatkan pengeluaran asas atau industri asas tani adalah terbuka kepada semua golongan termasuk belia-belia yang berminat. Namun begitu, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi menjayakan Skim Belia Tani.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 25 OGOS 2008

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan pelbagai langkah yang diambil termasuk Jawatankuasa Kabinet Membendung Inflasi untuk menghadapi kenaikan harga barang-barang terutamanya petrol, diesel dan gas serta permasalahan ekonomi dunia yang diimport. Apakah kedudukan ekonomi dan kemampuan Malaysia untuk menentang tekanan tersebut?

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga minyak dan makanan merupakan fenomena global dan dirasakan oleh semua negara di dunia termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan kadar inflasi masih dapat dikawal dan rendah. Jika dibandingkan dengan kebanyakan negara jiran yang mengalami kadar inflasi sehingga mencapai dua digit. Umpamanya, pada bulan Julai 2008, kadar inflasi di Filipina meningkat kepada 12.2%, Indonesia (11.9%), dan Thailand (9.2%) berbanding dengan Malaysia adalah 8.5%. Hasil daripada usaha yang telah

diambil, sekurang-kurangnya dapat membendung kadar inflasi daripada terus meningkat lebih tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun kadar inflasi masih tinggi, tetapi ia lebih bersifat jangka pendek dan dalam masa yang sama, negara masih mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kadar pengangguran masih rendah. Ini menunjukkan Kerajaan masih mampu mengawal keadaannya.

Lagipun, program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengawal dan membendung inflasi bukan hanya program jangka pendek, dan yang lebih penting ianya merangkumi program jangka sederhana dan jangka panjang. Sehubungan itu, tentulah mengambil masa yang lebih lama untuk menampakkan hasilnya dan adalah tidak adil dan terlalu awal untuk memperolehi semua faedah daripada program yang telah dilaksanakan dalam jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai kedudukan ekonomi Malaysia, pada separuh pertama 2008 dijangka terus kukuh setelah mengambilkira prestasi suku pertama 2008 dengan pertumbuhan 7.1 peratus. Namun, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih sederhana pada separuh kedua 2008 berikutan pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap. Walau bagaimanapun, ekonomi masih mampu berkembang antara 5 hingga 6% pada tahun 2008.

Sejak kebelakangan ini, arah aliran harga minyak dunia kembali menurun dan ini akan membantu meredakan tekanan inflasi. Kadar inflasi dijangka kembali sederhana dan stabil pada pertengahan tahun 2009 disokong pula oleh langkah-langkah menangani dan membendung inflasi yang telah diambil oleh Kerajaan. Kesederhanaan kadar inflasi tentu akan dapat membantu kegiatan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak. Dengan itu, Kerajaan masih berupaya untuk mengawal keadaan inflasi, tambahan pula isu inflasi ini merupakan fenomena jangka pendek.

Sebagai kesimpulan, memandangkan usaha untuk menangani dan membendung inflasi merupakan satu usaha yang kolektif, maka sudah tentu ia memerlukan sokongan semua pihak termasuk individu, industri, peniaga dan Kerajaan, agar lebih bertanggungjawab. Dengan adanya usaha seperti ini, saya yakin inflasi dapat ditangani dengan lebih berkesan dan akhirnya rakyat akan dapat menikmati manfaat yang lebih besar daripada langkah yang dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI MOHD. HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.08.2008

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan :-**

- (a) peranan syarikat Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) di dalam pelaksanaan projek-projek tawaran Kerajaan; dan
- (b) bagaimanakah peranan syarikat ini di dalam membantu IKS dan SME.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) merupakan pembekal alat dan alat ganti *proprietary* elektronik kepada semua agensi Kerajaan melalui Kontrak Pusat. Antara peranan CMCA di bawah Kontrak Pusat ini adalah untuk menawarkan sumber pembekalan

dan perolehan alternatif pada harga yang kompetitif, memendekkan proses perolehan Kerajaan melalui rangkaian vendor/pembekal yang telah dibangunkan serta menjamin kesinambungan pembekalan dan perolehan Kerajaan bagi membantu rancangan perolehan dan belanjawan agensi-agensi Kerajaan.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, CMCA telah melaksanakan satu Program Pembangunan Usahawan / Vendor Bumiputera yang komprehensif bagi membantu usaha Kerajaan mencapai matlamat 30% penglibatan Bumiputera di dalam aktiviti ekonomi menjelang tahun 2020. Sehingga kini, program tersebut berjaya membangunkan sebanyak 30 buah syarikat Bumiputera. Di bawah program ini, CMCA berperanan antaranya untuk melantik usahawan / vendor Bumiputera yang ingin maju serta berminat dalam perniagaan sebagai agen pembekal alat dan alat ganti *proprietary* elektronik kepada CMCA, melatih serta membimbing usahawan / vendor Bumiputera supaya lebih berdaya saing, menyediakan rangkaian serta sistem perolehan dan pembekalan yang sistematik dan memberi pendedahan praktikal kepada suasana perniagaan sebenar.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH : 25 Ogos 2008

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bilangan mahasiswa yang diterima untuk melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi PETRONAS mengikut etnik dari tahun 2004 hingga Jun 2008; dan
- (b) bilangan biasiswa PETRONAS yang telah diberikan mengikut etnik dari tahun 2004 hingga Jun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan baru pelajar-pelajar Malaysia bagi melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi PETRONAS dari tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 hingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seramai 6,310 orang. Dari jumlah ini, lebih kurang 90 peratus adalah pelajar-pelajar Bumiputera dan selebihnya adalah pelajar bukan Bumiputera.

Berhubung bilangan biasiswa pula, sukalah dimaklumkan bahawa bilangan pelajar Malaysia yang telah menerima biasiswa pendidikan PETRONAS dari tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 hingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

Bilangan Pelajar Tajaan PETRONAS Dari Tahun Kewangan Mac 2004 Hingga Mac 2008			
Peringkat Pendidikan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
Peringkat Sekolah Menengah	4,160	540	4,700
Peringkat Pengajian Tinggi	5,152	655	5,796
Jumlah Penajaan	9,312	1,184	10,496

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 25 OGOS 2008

SOALAN :

Tuan **Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perjanjian usahasama antara China Harbour Engineering Co Ltd (CHEC) dan UEM Builders dalam pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang Kedua telah dimeterai dan sama ada dana pinjaman sebanyak US\$800 juta bersabit perjanjian ini telah dimobilisasikan untuk menjamin projek tersebut tetap disiapkan pada tahun 2011.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian usahasama antara China Harbour Engineering Co Ltd (CHEC) dan UEM Builders dalam pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang Kedua telah dimeterai pada 13 Julai 2007. Sementara itu, rundingan peringkat pertama ke atas perjanjian dana pinjaman, iaitu *General Loan Agreement* telah dimuktamad dan ditandatangani pada 13 Julai 2007. Susulan daripada

itu, rundingan peringkat kedua, iaitu *Individual Loan Agreement* yang mengandungi terma dan syarat-syarat pinjaman lebih terperinci akan diadakan dalam jangka masa terdekat setelah rundingan ke atas terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan syarikat konsesi, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. iaitu sebuah *Single Purpose Vehicle* 100% milik Kerajaan dimuktamadkan.

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HJ. AHMAD B. KASIM [KUALA KEDAH]

TARIKH : 25 OGOS 2008

RUJUKAN : 1279

SOALAN:

Tuan Hj. Ahmad B. Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing (warganegara luar) yang bekerja di sektor pelancongan khususnya di bidang perhotelan mengikut negeri dan bagaimana tahap keupayaan mereka berbanding dengan pekerja tempatan.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 25.8.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Julai 2008, terdapat seramai **2,109,954 orang** pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini. Daripada jumlah tersebut, seramai **1,589 orang** bekerja di dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pelancongan di bawah sektor perkhidmatan iaitu **941 orang** sebagai pekerja spa/urut refleksologi, **9 orang** sebagai pekerja pulau peranginan, **305 orang** sebagai kedi dan **334 orang** sebagai pekerja hotel (untuk aktiviti *housekeeping* sahaja) Majoriti pekerja asing berkenaan adalah tertumpu di kawasan Lembah Klang manakala selebihnya di negeri-negeri yang rancak dengan aktiviti pelancongan seperti Melaka, Negeri Sembilan, Johor, dan Pulau Pinang.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai perbandingan tahap keupayaan pekerja asing berbanding pekerja tempatan, saya tidak menafikan bahawa warga asing lebih komited dengan tugas mereka memandangkan mereka tiada tanggungjawab sosial di Malaysia seperti penjagaan keluarga dan penglibatan dengan masyarakat. Oleh itu, adalah tidak adil untuk membandingkan prestasi kerja warga asing dan warga tempatan kerana warga tempatan mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih berbanding warga asing yang datang ke Malaysia semata-mata untuk bekerja. Majikan yang bertanggungjawab perlu memahami dan menerima hakikat ini, bukannya memikirkan keuntungan semata-mata dengan menggaji pekerja asing dan mengabaikan pekerja tempatan.

LAMPIRAN D

SOALAN 16

23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : **25 OGOS 2008**

SOALAN : **Meminta MENTERI**

PELANCONGAN menyatakan:

- a) indikator yang digunakan untuk mengukur kedatangan pelawat dalam negara berbanding pelancong luar negara ke kawasan pesisir pantai termasuk di Port Dickson; dan
- b) apakah jumlah pelancong ke Port Dickson seramai lebih 1 juta orang tahun lalu termasuk pelawat yang kebetulan menghadiri program rasmi yang melibatkan misalnya agensi dan jabatan kerajaan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Indikator utama yang digunakan untuk mengukur kedatangan pelawat dalam negara berbanding pelancong luar negara ke kawasan pesisir pantai adalah melalui **data penginap hotel**. Data penginap hotel di bawah kategori **pesisir pantai (*beach resorts*)** adalah seperti berikut:-

**LAPORAN PENGINAP HOTEL DI KAWASAN PESISIR PANTAI
(BEACH RESORTS)
TAHUN 2007**

NEGERI	PELANCONG DOMESTIK	PELANCONG ASING	JUMLAH
PERAK	156,456	2,036	158,492
Lumut	156,456	2,036	158,492
PULAU PINANG	340,647	352,246	692,893
Batu Feringghi	114,894	236,086	350,980
Tanjung Bungah	225,753	116,160	341,913
TERENGGANU	418,626	19,518	438,144
Dungun	212,671	1,191	213,862
Kemaman	19,964	759	20,723
Kuala Terengganu	144,133	11,930	156,063
Marang	41,152	1,168	42,320
Setiu	706	4,470	5,176
PAHANG	438,348	146,553	584,901
Kuantan-Cherating	332,127	114,087	446,213
Kuala Rompin	106,221	32,466	138,687
JOHOR	149,678	37,572	187,250
Kota Tinggi	126,880	36,038	162,918
Mersing	22,798	1,534	24,332
MELAKA	41,478	5,914	47,392
Tanjung Bidara	9,141	214	9,355
Tanjung Kling	32,337	5,700	38,036
NEGERI SEMBILAN	996,647	268,249	1,264,896
Port Dickson	996,647	268,249	1,264,896
SABAH	91,927	561,518	653,445
Kota Kinabalu	67,583	463,742	531,325
Lahad Datu	4,433	39	4,472
Papar	10,254	6,036	16,290
Tuaran	9,657	91,701	101,358
SARAWAK	32,229	5,960	38,189
Santubong	32,229	5,960	38,189
TOTAL	2,666,036	1,399,566	4,065,602

Daripada data tersebut, didapati pesisir pantai seperti di Batu Feringghi, Tanjung Aru (Kota Kinabalu) dan Tuaran menerima lebih ramai pelancong asing berbanding pantai-pantai lain seperti Cherating (Kuantan), Lumut, Port Dickson dan Kota Tinggi yang lebih digemari oleh pelancong tempatan.

b) Berdasarkan data pelancong yang menginap di hotel di sekitar Port Dickson pada tahun 2007, jumlah pelancong adalah seramai 996,647 berbanding seramai 984,420 orang pada tahun 2006. Data ini diperolehi melalui kajian penginapan secara keseluruhan yang telah dijalankan ke atas sampel-sampel hotel oleh Tourism Malaysia. Ini termasuk pelancong yang menghadiri program-program rasmi seperti menghadiri mesyuarat atau seminar.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 24 : **Dr Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah rundingan dan peranan Malaysia bagi menyelesaikan isu empat Wilayah Selatan, Thailand di mana keadaannya belum lagi reda dan banyak umat Islam terbunuh.

TARIKH : **25 OGOS 2008 (ISNIN)**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas ke atas soalan yang dikemukakan.

Sebagai negara jiran terdekat, Malaysia sememangnya amat prihatin terhadap konflik di Selatan Thailand kerana sedikit sebanyak sebarang perkembangan di Selatan Thailand akan turut memberikan kesan kepada Malaysia. Konflik di Wilayah Selatan Thailand adalah masalah dalaman Thailand dan pendirian Malaysia

selama ini adalah jelas iaitu Kerajaan tidak akan mencampuri urusan dalaman negara tersebut.

Malaysia hanya bekerjasama dan memberi bantuan atas permintaan negara tersebut. Peranan Malaysia pada masa ini lebih tertumpu kepada usaha-usaha untuk memaju dan membangunkan Wilayah-wilayah Selatan Thailand di kawasan sempadan menerusi bantuan dalam program-program sosio-ekonomi. Perdana Menteri Thailand, TYT Samak Sundaravej semasa melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada 23-24 April 2008 telah menyampaikan penghargaan kepada Malaysia atas usaha dan bantuan yang diberi selama ini bagi menangani masalah di Selatan Thailand.

Kerajaan Malaysia yakin bahawa Kerajaan Thailand mampu untuk menangani dan menyelesaikan konflik di Selatan Thailand menerusi langkah-langkah perdamaian yang dilaksanakan bagi memenangi hati dan minda masyarakat di Selatan Thailand yang sekali gus dapat menyumbang ke arah membawa keamanan, kemakmuran dan keselamatan di Thailand.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail
[Machang]**

TARIKH : 25 Ogos 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kelebihan mengamalkan dasar NDP (*Non Depletion Policy*) dalam mengusahakan hasilkan telaga-telaga minyak di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Susutan Negara (dengan izin – *National Depletion Policy*) yang diperkenalkan pada tahun 1980 adalah bertujuan mengawal jumlah **pengeluaran** sumber minyak negara supaya jangka hayat rizab minyak dapat dipanjangkan. Melalui dasar ini, Kerajaan telah menetapkan kadar siling pengeluaran minyak tahunan tidak melebihi 1.75% daripada *Oil-Initially-In-Place* (OIIP) bagi medan-medan minyak yang mempunyai OIIP lebih daripada 400 juta tong. Pada tahun 1985, kadar siling pengeluaran ini telah dipinda kepada 3% daripada OIIP bagi medan-medan minyak tersebut.

Bagi memastikan jangka hayat rizab minyak negara dapat bertahan untuk tempoh yang panjang, PETRONAS telah melaksanakan pelbagai inisiatif khususnya menjalankan aktiviti-aktiviti mencari gali untuk meneroka medan-medan minyak baru di samping mengekalkan pengeluaran pada paras yang mampan. Melalui usaha cari gali ini, PETRONAS telah berjaya meningkatkan jumlah rizab minyak negara daripada 0.9 bilion tong pada tahun 1974, semasa PETRONAS ditubuhkan, kepada 5.46 bilion tong pada 1 Januari 2008. Pada kadar pengeluaran semasa dan dengan andaian bahawa keseluruhan rizab dapat dikeluarkan, rizab minyak mentah dan kondensat dijangka akan bertahan selama 22 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Johari Bin Abdul
[Sungai Petani]**

TARIKH : 25 Ogos 2008 (Isnin)

SOALAN : 26

Tuan Johari Bin Abdul [Labis] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah gerabak (coach) yang dimiliki oleh LRT Putra kini; dan
- (b) buat masa ini cuma dua gerabak (coach) sahaja digunakan dalam setiap satu perjalanan hingga mengakibatkan kesesakan sedangkan STAR boleh menggunakan lebih dari dua. Adakah Kerajaan berhajat minta operator Putra menambah bilangan gerabak (coach) untuk setiap perjalanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Adalah dimaklumkan bahawa jumlah gerabak yang dimiliki oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) bagi Aliran Kelana Jaya (dahulu dikenali sebagai Putra Line) pada masa ini mempunyai tujuh puluh (70) gerabak iaitu dua (2) gerabak setiap tren; dan
- (b) Memandangkan permintaan bagi sistem LRT Aliran Kelana Jaya (LRT -Putra) amat menggalakkan dan sering sesak dengan penumpang terutamanya pada waktu puncak, pihak Prasarana telah mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan tren bagi menampung permintaan bagi perkhidmatan tersebut. Oleh itu, sebanyak tiga puluh lima (35) set tren baru akan ditambah untuk perkhidmatan sistem LRT Aliran Kelana Jaya yang terdiri daripada empat (4) gerabak bagi setiap tren. Pertambahan tren-tren baru ini akan dapat meningkatkan kapasiti sistem kepada 350,000 penumpang sehari berbanding jumlah semasa 160,000 penumpang sehari. Tambahan tren baru yang mengandungi empat (4) gerabak ini dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat pada akhir 2009.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 25 OGOS 2008

RUJUKAN : 1265

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bukti-bukti kukuh bahawa akan berlakunya perhimpunan beramai-ramai di depan Bangunan Parlimen yang menyebabkan polis melancarkan sekatan jalan pada 14.7.2008, dan anggaran jumlah kerugian yang dihadapi rakyat ibu kota berikutan dengan kesesakan jalan raya yang teruk pada hari berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa memantau dan menguatkuasakan undang-undang demi menjaga keselamatan dan keamanan negara. Segala tindakan yang diambil adalah berdasarkan kepada bukti-bukti dan mengikut lunas undang-undang. Tindakan untuk mengadakan sekatan jalan raya pada 14 Julai 2008 yang lalu dibuat sebagai langkah pencegahan awal serta persiapan bagi menghadapi perhimpunan haram yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi, pihak polis mendapati bahawa wujud satu rancangan untuk mengadakan perhimpunan secara besar-besaran di bangunan Parlimen pada 14 Julai 2008. Ini disokong oleh beberapa insiden seperti hebahan melalui ceramah-ceramah tertentu yang mana mengarahkan para penyokong supaya hadir secara beramai-ramai ke Parlimen pada tarikh yang dirancangkan. Selain itu, hebahan yang sama turut dibuat melalui laman-laman blog seta penyebaran sms yang menyeru supaya orang ramai hadir ke perhimpunan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Meskipun rakyat terpaksa menanggung kerugian disebabkan oleh tindakan tersebut, namun nilai tersebut tidak dapat dibandingkan dengan keamanan dan keselamatan negara yang sentiasa kita pertahankan. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru mana-mana pihak yang berhasrat untuk melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang supaya memikirkan kepentingan orang awam terlebih dahulu dan tidak bersikap mementingkan diri sendiri di masa hadapan. Pihak polis sama sekali tidak akan berkompromi dengan sebarang isu yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.08.2008

SOALAN NO : 28

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pencapaian Kumpulan Wang Pengangkutan Awam sejak penubuhan dan apakah kedudukan terkini berhubung pinjaman RM50 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menawarkan perkhidmatan bas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat Julai 2008, sebanyak RM624.14 juta telah disalurkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM498.77 juta (79.91%) telah dibelanjakan dan dikenal pasti untuk projek-projek yang dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan sistem pengangkutan awam di negara ini.

2. Mengenai isu pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula, Kerajaan Persekutuan pada 19 Julai 2006 telah bersetuju

meluluskan pinjaman sebanyak RM50 juta kepada Kerajaan Negeri bagi membiayai penyusunan semula perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Surat perjanjian bagi pinjaman tersebut telah ditandatangani pada 27 September 2006. Namun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 29 Januari 2007 telah bersetuju dengan cadangan supaya Syarikat Prasarana Negara Berhad membiayai pembelian dan pembekalan 220 unit bas serta perkhidmatan bas di negeri Pulau Pinang diuruskan oleh Rapid Penang Sdn. Bhd. Oleh demikian, pengeluaran pinjaman sebanyak RM50 juta tidak lagi dipohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

No: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN DAHLAN
TARIKH : 25 OGOS 2008

**DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD] minta MENTERI
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kementerian mengikut skim-skim pinjaman yang ditawarkan melalui Kementerian di Kota Belud dalam tempoh 2003-2007; dan
- (b) dalam tempoh tersebut; berapakah pinjaman yang telah berjaya dibayar balik.


Jawapan:

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui agensi-agensinya sentiasa berusaha untuk membantu usahawan Bumiputera tanpa mengira sempadan negeri sama ada di kawasan pedalaman, luar bandar dan juga bandar. Melalui agensi-agensi pembiaya di bawah MECD seperti MARA, Bank Rakyat, Bank SME dan juga TEKUN Nasional sebanyak RM 19,623,794.41 telah diberikan kepada 4,387 usahawan di Kota Belud dalam tempoh 2003-2007 melalui skim-skim dan program-program yang telah ditawarkan.

Dalam tempoh tersebut, pinjaman sejumlah RM12,765,343.09 telah pun berjaya dibayar balik kepada agensi-agensinya dan ini membuktikan bahawa usahawan-usahawan tersebut telah berjaya dalam perniagaan mereka.

Kementerian menerusi agensi-agensinya sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memastikan pinjaman-pinjaman tersebut dibayar balik menerusi kaedah-kaedah perundingan, pemantauan dan khidmat nasihat dalam memantapkan lagi daya saing perniagaan mereka.

Disediakan oleh : 
Hasliza Khasim
PPK (PN) 4

Disemak oleh : 
Mohd Sakri Saleh
KPP (PN) 4

Diluluskan oleh : 
Dato' Musa Muhamad 21/8
KSU

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WILIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.08.2008

Tuan Wiliam Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah tambahan diberikan kepada relief persendirian dalam tahun 2009 memandangkan kenaikan petrol/diesel dan harga produk pengguna/kadar inflasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji struktur cukai pendapatan individu dan juga pelepasan-pelepasan yang dibenarkan bagi meringankan beban pembayar cukai. Walaupun jumlah pelepasan individu tidak dinaikkan, tahap pendapatan yang dikenakan cukai adalah tinggi sehinggakan pada masa ini individu bujang yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,230 tidak dikenakan cukai pendapatan. Bagi yang berkahwin dan mempunyai seorang anak pula, beliau tidak tertakluk kepada cukai pendapatan sekiranya mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM3,297.

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PANGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 25 OGOS 2008

SOALAN : Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pangkalan Chepa) minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan :-

Adakah Kerajaan bercadang untuk membina empangan getah (rubber dam) di sekitar jambatan Tendong merentangi Sungai Kelantan bagi mengatasi kekurangan air dalam kawasan pertanian Kemubu dan empangan Lemal.

JAWAPAN : Ketika ini pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum bercadang membina empangan getah (rubber dam) di sekitar jambatan Tendong merentangi Sungai Kelantan ini untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan pertanian Kemubu. Walaubagaimana pun kajian sedang dijalankan untuk menangani masalah air pada musim kemarau, iaitu dibawah kajian "Study On The Effects Of The

Pysical And Hydrological Changes Of Kelantan River And Its Basin To The Performances Of Kemubu, Lemal and Kasa Pumping Stations.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]
TARIKH : 25 OGOS 2008

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC) seperti mana yang disarankan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

JAWAPAN:

Kerajaan masih mengusahakan beberapa penambahbaikan kepada Rang Undang-Undang penubuhan badan yang akan menjalankan fungsi seperti IPCMC yang dicadangkan. Penambahbaikan tersebut adalah perlu bukan sahaja bagi menjamin kebebasan badan tersebut, tetapi juga untuk menjamin keberkesanan terutamanya dari segi bajet dan saiz birokrasi. Setelah penambahbaikan ini disempurnakan, Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen. Diharapkan bahawa Rang Undang-Undang tersebut dapat dibentangkan pada sidang Parlimen sebelum akhir tahun ini ataupun pada awal tahun hadapan.